

Headline	UNIMAS terima urusan governan dan kewangan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	13 May 2014	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	TEMPATAN	Color	Black/white
Page No	9	ArticleSize	268 cm ²
AdValue	RM 609	PR Value	RM 1,827



UNIMAS terima urusan governan dan kewangan

ZAPHNE PHILIP

KUCHING, Isnin — Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) merupakan universiti kelapan yang menerima kuasa autonomi untuk urusan governan dan kewangan.

Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata, dengan kuasa autonomi yang diberi, UNIMAS bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan pentadbiran universiti.

"Ini termasuklah pengurusan kewangan, sumber manusia, pengurusan akademik dan pengambilan pelajar. Walaupun permohonan kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) diurus Unit Pengurusan Universiti (UPU), UNIMAS turut diberi kuasa

dalam aspek penyemakan kriteria, pemilihan dan pengumuman keputusan berdasar pilihan utama pelajar," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian watakah autonomi UNIMAS di Bilik Galeri, Rumah Universiti, di sini hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Jabedah Monseri, Ahli Lembaga Pengarah UNIMAS, Professor Dr Fatimah Abang, Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman dan Profesor Kopli Bujang.

Jelasnya, kuasa autonomi yang diberikan juga memberi peluang kepada UNIMAS untuk menentukan halatu-

ju universiti untuk mencapai misi dan visi ke arah kecemerlangan akademik di rantau Asia ini.

Surat autonomi yang ditandatangani Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin telah sampai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia, Profesor Dato' Dr Morshidi Sirat.

Sebelum ini, tujuh universiti awam mendapat kuasa autonomi tersebut adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Headline	UNIMAS terima urusan goverman dan kewangan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	13 May 2014	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	TEMPATAN	Color	Black/white
Page No	9	ArticleSize	268 cm ²
AdValue	RM 609	PR Value	RM 1,827



TERIMA... Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi menerima watikah autonomi daripada Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia, Profesor Dato' Dr Morshidi semasa majlis penyerahan watikah autonomi di UNIMAS, semalam.